

Contohi konsep kerja swasta

KUCHING 20 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta agensi-agensi kerajaan mencontohi konsep kerja yang diamalkan oleh pihak swasta bagi mempercepatkan proses pembangunan negara.

Katanya, kerajaan terpaksa menyerahkan projek-projek raksasa kepada pihak swasta, khususnya pengusaha tempatan semata-mata kerana ia dapat memberi pulangan yang baik serta dapat membangunkan negara dengan lebih cepat dan menyeluruh.

“Kita telah berjaya melahir dan memiliki pengusaha tempatan yang cekap serta mempunyai kepakaran teknikal berwibawa dalam mengendalikan projek-projek besar negara.

“Buktinya kejayaan pihak swasta menyiapkan Lebu Raya Utara Selatan 15 bulan lebih awal... tetapi jika projek ini diserahkan kepada JKR, sudah tentu lambat dan akan mengambil masa agak lama daripada tempoh yang ditetapkan,” katanya.

Berucap merasmikan Wisma Ting Pek Khiing di sini pagi ini, Dr. Mahathir berkata, kerenah birokrasi dalam agensi kerajaan menjadi punca kerja yang dilaksanakan lembap dan mengambil masa lama.

Sebaliknya, tegas beliau, konsep kerja cepat dan menepati sasaran seperti yang diamalkan oleh swasta telah berjaya memberi pulangan dan keuntungan lebih besar.

“Lebih penting, ia dapat menarik minat dan keinginan lebih banyak pelabur asing menanam modal,” jelasnya.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, sentiasa menggalakkan sesuatu projek dilakukan dengan cepat bagi mengelak daripada berlakunya kerugian dan pembaziran.

“Sesuatu kerja perlu disiapkan segera kerana kita bekerja untuk membangunkan negara dan masyarakat keseluruhan.

“Kita bukan negara sosialis yang melahirkan jutawan dari golongan tertentu sahaja, tetapi berusaha supaya seluruh rakyat jadi jutawan,” tambahnya.

Menyentuh mengenai pelaksanaan projek Elektrik Hidro Bakun (EHB) Dr. Mahathir yakin, ia dapat disiapkan tiga hingga empat tahun lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

Menurutnya, semakin cepat sesuatu projek disiapkan, akan cepatlah peningkatan taraf hidup rakyat dan tidak mustahil pula untuk Malaysia muncul sebagai negara maju di rantau ini.